"I have noticed that sometimes, departments, agencies and government-linked companies provide contributions in an overly extravagant manner. For instance, beautifully designed packaging that may cost more than the contents, such as dates. This is a form of wastage."

Anwar said Ramadan should be a time to cultivate reading, comprehension and appreciation of the *Quran*.

"Ramadan is the month in which the Quran was revealed, providing guidance in distinguishing between right and wrong. So, let us take this opportunity to deepen our understanding and practise the teachings of the *Quran*."

## LIPUTAN HARIAN BULAN MAC 2025

BERITA HARIAN | 3 MAC 2025

# Laksanakan reformasi radikal dalam GLC elak wang negara tiris

- Isu kritikal melanda GLC di negara ini sering berakar kelemahan dalam pengurusan, tadbir urus dan ketelusan yang memberi impak langsung kepada keberkesanan operasi dan prestasi syarikat

- Laporan kewangan terbuka, sistem tender kompetitif dan pemantauan bebas perlu diperketatkan bagi tingkatkan akauntabiliti. Tanpa langkah ini, GLC terus alami ketidakcekapan dan jejaskan ekonomi negara



Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ekonomi, Wang dan Bank, Universiti Utara Malaysia (UUM)

**Oleh Dr Abu Sufian Abu Bakar**
bhrencana@bh.com.my

**Berdasarkan** Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 1/2025 dibentangkan di Parlimen, baru-baru ini, prestasi kewangan syarikat subsidiari di bawah beberapa agensi Persekutuan seperti Lembaga Tabung Haji (LTH), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) menunjukkan trend bercampur-campur.

Laporan ini mendedahkan sebanyak 40 syarikat subsidiari daripada lima agensi Persekutuan mencatatkan kerugian RM2.656 bilion pada 2023.

Antara penyumbang utama kepada kerugian ini ialah 21 syarikat subsidiari KWSP mengalami kerugian RM941 juta; lapan syarikat subsidiari KWAP (RM138 juta) dan empat syarikat subsidiari LTH (RM690 juta).

Laporan juga menyatakan 21 syarikat subsidiari mengalami kerugian tiga tahun berturut-turut dari 2021 hingga 2023, mencerminkan kelemahan dalam strategi pemulihan dan pengurusan kewangan.

Walaupun terdapat kerugian ketara, sebanyak 60.4 peratus daripada 217 syarikat subsidiari masih mencatat keuntungan berjumlah RM4.087 bilion.

Isu kritikal melanda syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di negara ini sering berakar kelemahan dalam pengurusan, tadbir urus dan ketelusan yang memberi impak langsung kepada keberkesanan operasi dan prestasi syarikat ini.

Antara cabaran utama sering dikaitkan dengan GLC ialah campur tangan politik dalam GLC yang bukan sekadar isu pengurusan, bahkan masalah struktur yang boleh melemahkan daya saing ekonomi negara.

Apabila pelantikan ketua pegawai eksekutif (CEO) dan ahli lembaga pengarah dibuat berdasarkan kesetiaan politik serta bukan merit, keputusan strategik sering kali tidak berpandukan kepada keperluan syarikat, sebaliknya lebih kepada menjaga kepentingan pihak tertentu.

Contohnya, laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendapati beberapa GLC utama mempunyai individu dilantik atas faktor politik tanpa kelayakan industri relevan, sekali gus mengundang risiko kelemahan pentadbiran dan pengurusan aset awam.

Kes ini bukan sahaja melemahkan kecekapan syarikat, bahkan menyebabkan keputusan pelaburan tidak berasaskan strategi jangka panjang.

Selain itu, perubahan kerajaan sering kali membawa kepada rombakan besar-besaran dalam pengurusan GLC, akhirnya menjejaskan kesinambungan perancangan dan kestabilan syarikat.

Lebih membimbangkan, terdapat dakwaan GLC sering dijadikan alat politik untuk kepentingan kerajaan yang dana dan sumber GLC sering disalurkan kepada projek berunsur populis bagi meraih sokongan politik, tanpa mengambil kira keberkesanan ekonomi jangka panjang.

Ini boleh dilihat dalam peruntukan kontrak kepada syarikat tertentu tanpa proses tender terbuka atau penggunaan dana GLC untuk menaja program politik secara terselindung.

Isu ini bukan sahaja merosakkan integriti sektor awam, bahkan menyebabkan pembaziran besar-besaran wang pembayar cukai.

### Ancaman kepada ekonomi, kepercayaan rakyat

Kelemahan ketelusan dan akauntabiliti dalam GLC bukan sekadar isu dalaman organisasi, bahkan ancaman kepada ekonomi dan kepercayaan rakyat terhadap institusi negara.

Antara masalah utama ialah kurangnya pendedahan laporan kewangan dan operasi kepada umum, yang menyukarkan pemantauan serta menimbulkan persoalan mengenai ketelusan urus tadbir syarikat.

Sebagai contoh, LKAN beberapa kali mendedahkan GLC tertentu tidak mengemukakan laporan kewangan lengkap atau melambatkan pembentangan kepada Parlimen, menjadikan rakyat sukar mengetahui keadaan sebenar syarikat berkenaan.

Tanpa akses kepada maklumat mencukupi, pemegang kepentingan - termasuk pelabur dan rakyat - tidak dapat menilai prestasi GLC dengan adil serta objektif.

Isu pemberian kontrak tanpa tender terbuka menimbulkan risiko rasuah dan salah guna kuasa, apabila projek diberikan kepada syarikat tertentu berdasarkan hubungan politik atau kepentingan peribadi, bukannya kecekapan serta daya saing sebenar.

Contohnya, dalam satu kajian *Transparency International Malaysia* pada 2021, didapati sebahagian besar kontrak GLC diberikan secara rundingan terus, yang meningkatkan risiko ketidakefisienan, ketirisan dana dan perbelanjaan berlebihan.

Apabila mekanisme persaingan adil diketepikan, bukan sahaja kos projek meningkat, tetapi kualiti perkhidmatan dan produk juga boleh terjejas, seterusnya memberi kesan kepada ekonomi dan masyarakat secara keseluruhan.

Lebih membimbangkan, ketiadaan mekanisme pemantauan kukuh menjadikan pengurusan dana dan aset GLC mudah terdedah kepada penyalahgunaan.

Beberapa kes sebelum ini menunjukkan bagaimana kelemahan pemantauan dalaman membawa kepada kerugian besar. Contohnya, LKAN 2019 melaporkan beberapa GLC mengalami kerugian ratusan juta ringgit akibat pelaburan tidak terkawal dan tanpa penelitian sewajarnya.

Tanpa lembaga pemantau bebas memiliki kuasa penuh untuk menyemak dan menilai keputusan kewangan, isu sebegini akan terus berulang, menjejaskan prestasi kewangan GLC serta menghakis kepercayaan pelabur.

### Tekankan merit, ketelusan

Ketirisan dan salah urus dana dalam GLC bukan sekadar isu kewangan, malah krisis kepercayaan terhadap keupayaan kerajaan menguruskan aset negara.

Dana awam sepatutnya digunakan untuk pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat sering kali dialihkan kepada projek tidak menguntungkan atau berisiko tinggi, tanpa asas ekonomi kukuh.

Contohnya, skandal *1Malaysia Development Berhad* (1MDB) membabitkan kehilangan lebih AS$4.5 bilion (RM19 bilion) akibat pengubahan wang haram dan urus niaga meragukan menjadi antara kes kewangan paling memalukan pada peringkat antarabangsa.

Kegagalan ini bukan sahaja menyebabkan beban hutang besar kepada negara, bahkan menjejaskan keyakinan pelabur terhadap kestabilan ekonomi Malaysia.

Selain daripada projek berisiko, GLC juga sering dikritik kerana perbelanjaan boros dalam bentuk elaun besar, pakej faedah mewah dan kos operasi tidak terkawal.

Contohnya, LKAN pada 2019 pernah mendedahkan LTH membelanjakan RM85 juta hanya untuk bayaran *ex-gratia* dan ganjaran kakitangan, walaupun syarikat berkenaan menghadapi masalah kewangan serius.

Kerajaan perlu melaksanakan reformasi radikal dalam pelantikan GLC dengan menekankan merit dan ketelusan serta mengurangkan campur tangan politik.

Laporan kewangan terbuka, sistem tender kompetitif dan pemantauan bebas perlu diperketatkan bagi meningkatkan akauntabiliti. Tanpa langkah ini, GLC akan terus mengalami ketidakcekapan dan menjejaskan ekonomi negara.



## LIPUTAN HARIAN BULAN MAC 2025

BERITA HARIAN | 3 MAC 2025

# Rasuah ibarat ancaman halimunan, perlu segera reformasi institusi

- Rasuah merosakkan dari dalam dan memburuk tanpa disedari, tetapi memberi kesan parah meluas
- Seperti barah menghakis nilai kejujuran, merosakkan kualiti kehidupan, membunuh kebaikan yang sepatutnya tumbuh dalam sesebuah masyarakat



Naib Presiden Pertubuhan IKRAM Malaysia

Oleh Prof Dr Hanim Salleh
bhrencana@bh.com.my

**Rasuah** yang menjadi 'amalan warisan', berakar umbi dalam sistem pentadbiran dan sosial hingga dianggap kebiasaan.

Bahkan dalam sesetengah keadaan, menjadi pelik sekiranya tidak memberi atau menerima rasuah sama ada secara sukarela atau terpaksa.

Lebih membimbangkan, rasuah bukan hanya membabitkan sejumlah kecil, bahkan skandal besar bernilai jutaan dan bilion ringgit tanpa tiada pertanggungjawaban seperti dinyatakan Ketua Pegawai Eksekutif Transparency International Malaysia (TI-Malaysia), Pushpan Murugiah.

Ternyata, rasuah masih menjadi cabaran utama membelenggu pentadbiran dan kesejahteraan rakyat.

Bagi Malaysia, Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2024 diterbitkan TI menunjukkan negara kita kekal kedudukan ke-57 dengan skor 50 mata. Kedudukan ini masih jauh daripada sasaran negara untuk berada dalam 25 teratas menjelang 2033.

Hakikat kedudukan ini tidak berubah menunjukkan perlunya tindakan lebih agresif dan bersungguh-sungguh dalam membanteras rasuah. Kegagalan mencapai kemajuan memberi gambaran usaha dilakukan masih belum mencukupi atau kurang berkesan.

Jika berterusan, matlamat Malaysia mencapai kedudukan lebih baik dalam indeks itu akan terus menjadi impian sukar direalisasikan.

Menurut laporan CPI 2024, beberapa faktor menyumbang termasuk persepsi sektor perniagaan masih melihat rasuah sebagai isu utama belum dibendung sepenuhnya dalam sektor awam.

Ia lebih jelas apabila kes liabiliti korporat seperti Pristine Offshore pada 2021 dan Hydroshoppe pada 2023 masih belum menunjukkan perkembangan meyakinkan.

Organisasi komersial juga kurang mengambil berat mengenai kepentingan Panduan Tatacara Mencukupi, yang sepatutnya menjadi rujukan penting dalam memastikan pentadbiran telus dan berintegriti.

Ini menunjukkan reformasi institusi masih bergerak perlahan walaupun terdapat penekanan daripada pentadbiran semasa. Usaha menstruktur semula institusi utama masih belum memberikan impak signifikan.

Semakan semula hukuman dan pengurangan denda bagi kes berprofil tinggi turut menimbulkan persepsi campur tangan politik dalam badan kehakiman. Tindakan ini menimbulkan keraguan dalam kalangan rakyat mengenai keadilan sistem kehakiman di negara ini.

Pada masa sama, bilangan kes dilepas tanpa dibebaskan (DNAA) yang tinggi bagi kes berprofil tinggi turut mencetuskan kebimbangan masyarakat. Ia menimbulkan persoalan sama ada keputusan ini dipengaruhi faktor politik atau sebaliknya.

### Reformasi menyeluruh tutup ruang rasuah

Malaysia tidak boleh lagi bertangguh. Reformasi menyeluruh dalam sistem pentadbiran, institusi penguatkuasaan dan dasar negara amat diperlukan bagi menutup segala ruang memungkinkan berlakunya rasuah.

Antara langkah perlu diambil ialah meningkatkan keberkesanan sistem tadbir urus dalam perolehan awam dengan menggunakan piawaian antarabangsa untuk Pakatan Integriti dalam perolehan kerajaan bagi projek mega.

Disyorkan juga, kerajaan mewajibkan kelulusan Parlimen bagi projek berskala besar dengan dokumen sokongan seperti laporan perancangan awal serta analisis keperluan dan faedah kos didedahkan kepada umum.

Ini bukan sahaja dapat memastikan ketelusan dalam perolehan awam, bahkan mengelakkan pembaziran dan ketirisan dana negara. Ketelusan dalam setiap aspek pentadbiran kerajaan sangat penting bagi memastikan kepercayaan rakyat dapat dikekalkan.

Usaha meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam agensi berkaitan kerajaan perlu dipertingkatkan seperti menghapuskan pelantikan politik dalam agensi berkaitan kerajaan, sekali gus memastikan setiap pelantikan dibuat berdasarkan merit dan kelayakan, bukannya hubungan politik semata-mata.

Kerajaan juga perlu menyediakan laporan lebih telus untuk projek gagal seperti projek Kapal Tempur Littoral. Kegagalan projek mega seperti ini perlu didedahkan terbuka bagi memastikan pihak bertanggungjawab dikenakan tindakan sewajarnya.

Penjawat awam juga perlu bertanggungjawab atas ketidakpatuhan dan salah laku berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Sebarang ketirisan dikesan dalam laporan perlu disiasat dan segera diambil tindakan.

Kerajaan juga perlu mewajibkan pengisytiharan harta semua pegawai awam dan Ahli Parlimen untuk memastikan semua yang terbabit dalam pentadbiran negara bebas sebarang unsur rasuah atau salah guna kuasa.

Antara langkah penting dalam reformasi undang-undang dan institusi ialah pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Ombudsman untuk menangani aduan terhadap agensi Persekutuan.

Ombudsman berfungsi secara bebas dan tidak terikat dengan mana-mana pihak akan dapat memastikan setiap aduan ditangani dengan adil dan saksama.

Pembentangan RUU Perkhidmatan Parlimen perlu dilakukan bagi memastikan pengasingan kuasa antara eksekutif, badan perundangan dan kehakiman benar-benar terjamin.

Tanpa pengasingan kuasa jelas, kebarangkalian campur tangan dalam sistem kehakiman akan tetap wujud.

Kerajaan juga perlu membentangkan RUU Pembiayaan Politik untuk mengawal selia dana politik. Hubungan antara ahli politik, perniagaan dan pembiaya terus menjadi kabur tanpa undang-undang mengawal selianya.

Oleh itu, undang-undang lebih jelas dan tegas perlu diperkenalkan bagi memastikan semua sumbangan politik dilakukan telus dan tidak disalahgunakan untuk kepentingan peribadi.

### Pemberi maklumat perlu dilindungi

Pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 perlu disegerakan. Pemberi maklumat memainkan peranan penting mendedahkan amalan rasuah, namun mereka perlu diberikan perlindungan secukupnya agar tidak menjadi mangsa akibat tindakan itu.

Kita berharap RUU Kebebasan Maklumat demi ketelusan dibentangkan Julai ini seperti dijadualkan. Undang-undang ini penting bagi memastikan rakyat mempunyai akses kepada maklumat relevan dan tidak disembunyikan atas alasan kepentingan politik atau peribadi.

Pendidikan antirasuah di sekolah juga perlu diperhebat agar nilai integriti menjadi budaya generasi muda. Pendidikan membentuk sikap dan pemikiran seseorang. Oleh itu, usaha mendidik generasi muda mengenai kepentingan integriti perlu bermula dari peringkat sekolah.

Pada masa sama, kesedaran rakyat mengenai bahaya rasuah perlu ditingkatkan melalui kempen berterusan. Rakyat perlu memahami rasuah bukan sahaja merugikan negara, bahkan memberi kesan negatif kepada kesejahteraan hidup secara langsung.

Usaha mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi perlu ditingkatkan dengan menyediakan peluang pekerjaan adil dan menaikkan gaji penjawat awam ke tahap berpatutan.

Jika penjawat awam menerima gaji setimpal dengan tanggungjawab mereka, kemungkinan terbabit dalam amalan rasuah akan berkurangan.

Membanteras rasuah memerlukan reformasi struktur kukuh serta perubahan sistem ekonomi dan sosial menyeluruh untuk mengelakkan negara daripada terus dibelenggu ketidakcekapan pentadbiran, ketidakadilan ekonomi dan kemerosotan sosial.

Rasuah ibarat ancaman halimunan yang merosakkan dari dalam dan memburuk tanpa disedari tetapi memberi kesan parah meluas.

Ia seperti barah menghakis nilai kejujuran, merosakkan kualiti kehidupan dan membunuh kebaikan yang sepatutnya tumbuh dalam sesebuah masyarakat. Masa depan negara bergantung kepada keberanian kita untuk melakukan perubahan ini tanpa berlengah lagi.




(Foto Hiasan)

# Anwar: Reforms will continue

PUTRAJAYA: Efforts to implement changes to ensure transparency and efficiency in financial management and public administration, as part of the government's institutional reform agenda, will be kept up, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim (*pic*).

Citing examples of reforms undertaken by the Finance Ministry, Anwar, who is also the Finance Minister, said the ministry has introduced the Public Finance and Fiscal Responsibility Act, which mandates strict fiscal discipline.

"It sounds simple, but it is not, because our commitments regarding deficit reduction or the budget must be fulfilled.

"Not all countries are willing to do this as it requires strong political will and determination to undertake real reforms," he said in his speech at the monthly assembly with staff of the Prime Minister's Department here yesterday, Bernama reported.

Anwar also said the implementation of the Government Procurement Act aims to ensure that the processes and procedures for government tenders and procurement remain adhered to, even with changes in administration.

"The government may change, but the Act remains ... the tender and procurement processes must be complied with," he said.

On enforcement, Anwar thanked enforcement agencies such as the Malaysian Anti-Corruption Commission, Inland Revenue Board, National Audit Department, Royal Malaysia Police, Royal Malaysian Customs Department and Road Transport Department for their improved performance.

"Alhamdulillah, I see these agencies carrying out their duties more effectively.

"The government, including the Cabinet, the Chief Secretary to the Government and top officials in the civil service, fully support them," said Anwar.

"If there is room for improvement, we will make the necessary enhancements.

"I often remind them that even if we believe we have done well, we must recognise that there is always room for progress," he added.

He also emphasised that the spirit of continuously improving administration aligns with Islamic teachings, referring to a hadith of Prophet Muhammad on efficiency and the pursuit of excellence (itqan fil amal).

Also present at the assembly were Deputy Prime Ministers Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi and Datuk Seri Fadillah Yusof, as well as Ministers in the Prime Minister's Department Datuk Seri Azalina Othman Said (Law and Institutional Reforms) and Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar (Religious Affairs).

# Anwar: Reforms will continue

## Institutional changes key to transparent and efficient governance, says PM

**PUTRAJAYA:** Efforts to implement changes to ensure transparency and efficiency in financial management and public administration, as part of the government's institutional reform agenda, will be kept up, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Citing examples of reforms undertaken by the Finance Ministry, Anwar, who is also the Finance Minister, said the ministry has introduced the Public Finance and Fiscal Responsibility Act, which mandates strict fiscal discipline.

"It sounds simple, but it is not, because our commitments regarding deficit reduction or the budget must be fulfilled.

"Not all countries are willing to do this as it requires strong political will and determination to undertake real reforms," he said in his speech at the monthly assembly with staff of the Prime Minister's Department here yesterday, Bernama reported.

Anwar also said the implementation of the Government Procurement Act aims to ensure that the processes and procedures for government tenders and procurement remain adhered to, even with changes in administration.

"The government may change, but the Act remains ... the tender and procurement processes must be complied with," he said.

On enforcement, Anwar thanked enforcement agencies such as the Malaysian Anti-Corruption Commission, Inland Revenue Board, National Audit Department, Royal Malaysia Police, Royal Malaysian Customs Department and Road Transport Department for their improved performance.

"Alhamdulillah, I see these agencies carrying out their duties more effectively.

"The government, including the Cabinet, the Chief Secretary to the Government and top officials in the civil service, fully support them," said Anwar.

"If there is room for improvement, we will make the necessary enhancements.

"I often remind them that even if we believe we have done well, we must recognise that there is always room for progress," he added.

He also emphasised that the spirit of continuously improving administration aligns with Islamic teachings, referring to a hadith of Prophet Muhammad on efficiency and the pursuit of excellence (itqan fil amal).

Also present at the assembly were Deputy Prime Ministers Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi and Datuk Seri Fadillah Yusof, as well as Ministers in the Prime Minister's Department Datuk Seri Azalina Othman Said (Law and Institutional Reforms) and Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar (Religious Affairs).

# LIPUTAN HARIAN BULAN MAC 2025

THE BORNEO POST SARAWAK | 4 MAC 2025

National




Anwar, flanked by Ahmad Zahid on his right and Fadillah, delivers his monthly address. — Bernama photo

## Putrajaya committed to institutional reforms, says PM

**PUTRAJAYA:** The government is committed to continuing the institutional reform agenda by implementing changes to ensure transparency and efficiency in financial management and public administration, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Citing examples of reforms undertaken by the Ministry of Finance, Anwar said the ministry had introduced the Public Finance and Fiscal Responsibility Act, which mandates strict fiscal discipline.

"It sounds simple, but it is not, because our commitments regarding deficit reduction or the budget must be fulfilled. Not all countries are willing to do this as it requires strong political will and determination to undertake real reforms," he said in his speech at the monthly assembly with staff of the Prime Minister's Department here yesterday.

Additionally, he said the implementation of the Government Procurement Act aims to ensure that the processes and procedures for government tenders and procurement remain adhered to, even with changes in administration.

"The government may change, but the Act remains... the tender and procurement processes must be complied with," said Anwar, who is also Finance Minister.

On enforcement, he expressed gratitude for the improved performance of enforcement agencies such as the Malaysian Anti-Corruption Commission, Inland Revenue Board, National Audit Department, Royal Malaysia Police, Royal Malaysian Customs Department, and Road Transport Department (JPJ).

"Alhamdulillah, I see these agencies carrying out their duties more effectively. The government, including the Cabinet, the Chief Secretary to the Government and top officials in the civil service, fully support them.

"If there is room for improvement, we will make the necessary enhancements. I often remind them that even if we believe we have done well, we must recognise that there is always room for progress."

Anwar emphasised that the spirit of continuously improving administration aligns with Islamic teachings, referring to a hadith of Prophet Muhammad on efficiency and the pursuit of excellence (itqan fil amal).

Also present at the assembly were Deputy Prime Ministers Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi and Datuk Seri Fadillah Yusof, Minister in the Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said and Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar. — Bernama

## LIPUTAN HARIAN BULAN MAC 2025

ASIA TIMES (PULSE) | 4 MAC 2025



Anwar mingling with staff of the Prime Minister's Department at Bangunan Perdana Putra in Putrajaya yesterday. – **BERNAMAPIC**

# Govt committed to institutional reforms: PM

Fiscal discipline, deficit reduction and strict procedures for public tenders among measures taken to ensure efficiency and transparency in administration

**PUTRAJAYA:** The government is committed to continuing the institutional reform agenda by implementing changes to ensure transparency and efficiency in financial management and public administration, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Citing examples of reforms undertaken by the Finance Ministry, Anwar, who is also finance minister, said the ministry has introduced the Public Finance and Fiscal Responsibility Act, which mandates strict fiscal discipline.

"It sounds simple, but it is not, because our commitments regarding deficit reduction or the budget must be fulfilled.

"Not all countries are willing to do this as it requires strong political will and determination to undertake real reforms," he said at the monthly assembly with staff of the Prime Minister's Department yesterday.

He added that the implementation of the Government Procurement Act aims to ensure the processes and procedures for government tenders and procurement are adhered to, even with changes in administration.

"The government may change, but the Act remains. The tender and procurement processes must be complied with."

Anwar also expressed gratitude for the improved performance of enforcement agencies such as the MACC, Inland Revenue Board, National Audit Department, police, Customs Department and the Road Transport Department.

"*Alhamdulillah*, I see these agencies carrying out their duties more effectively. The government, including the Cabinet, the chief secretary to the government and top officials in the civil service, fully support them.

"If there is room for improvement, we will make the necessary enhancements. I often remind them that even if we believe we have done well, we must recognise that there is always room for progress."

Anwar said the spirit of continuously improving the administration aligns with Islamic teachings, and referred to a *hadith* of Prophet Muhammad on efficiency and the pursuit of excellence (*itqan fil amal*).

He said moderation should be observed at all government official events during Ramadan, in keeping with the spirit of the holy month, Bernama reported.

He emphasised the importance of strengthening spiritual dimensions during Ramadan, not only through acts of worship but also integrity, discipline and honesty in daily life.

"Ramadan should be a time for self-reflection and extending aid to the less fortunate, rather than holding lavish *iftar* events and other activities."

"I have noticed that sometimes, departments, agencies and government-linked companies provide contributions in an overly extravagant manner. For instance, beautifully designed packaging that may cost more than the contents, such as dates. This is a form of wastage."

Anwar said Ramadan should be a time to cultivate reading, comprehension and appreciation of the *Quran*.

"Ramadan is the month in which the Quran was revealed, providing guidance in distinguishing between right and wrong. So, let us take this opportunity to deepen our understanding and practise the teachings of the *Quran*."

# LIPUTAN MEDIA BULANAN

## LIPUTAN HARIAN BULAN MAC 2025

BERITA HARIAN ONLINE | 15 MAC 2025

### SPRM siasat 10 projek pembinaan telaga jejari lebih RM300 juta - Azam Baki

Oleh Hidayatidayu Razali - Mei 15, 2024 @ 9:28pm
bhnews@bh.com.my




Ibu Pejabat SPRM. - Foto NSTP/ASYRAF HAMZAH

KOTA BHARU: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuat siasatan terhadap 28 telaga jejari yang dibina menerusi Projek Pembinaan Telaga Jejari (HCW).

Ia membabitkan 10 projek pembinaan serta membaik pulih loji rawatan air (LRA) dianggarkan berjumlah lebih RM300 juta yang dibina Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) kerana gagal berfungsi bagi membekalkan air kepada penduduk.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, projek berkenaan dibina antara 2008 hingga 2015.

Beliau berkata, susulan itu empat lelaki ditahan bagi membantu siasatan terhadap pembinaan HCW di Kelantan kerana gagal berfungsi bagi membekalkan air kepada penduduk.

"HCW berkenaan sepatutnya berfungsi untuk membekalkan air mentah kepada LRA sebelum disalurkan kepada pengguna.

"Pembinaan HCW berlainan kapasiti ini adalah alternatif untuk mengatasi masalah air di negeri itu terutama pada musim kemarau.

"Tetapi sebahagian besar telaga yang dibina ini gagal menghasilkan kuantiti sumber air pada tahap optimum," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau berkata, siasatan awal yang dijalankan dipercayai terdapat pegawai di AKSB yang menerima wang rasuah daripada syarikat konsultan yang dilantik dalam projek pembinaan telaga air terbabit.

"SPRM juga percaya bahawa terdapat manipulasi membabitkan proses kelulusan projek ini pada 2015.

"Oleh kerana telaga air yang dibina ini tidak dapat dimanfaatkan penggunaannya, ia menyebabkan kerugian dan siasatan SPRM juga akan cuba mengenal pasti jumlah sebenar kerugian yang dialami termasuk jumlah wang rasuah yang terbabit," katanya.

Beliau berkata, isu kegagalan telaga jejari untuk membekalkan air kepada LRA itu pernah didedah dan ditegur oleh Ketua Audit Negara menerusi Laporan Ketua Audit Negara 2015 (LKAN 2015).

"LKAN 2015 mendedahkan bahawa sebanyak lapan LRA yang diaudit pada ketika itu dan hasilnya empat LRA iaitu LRA Pintu Gang, Wakaf Bunut, Wakaf Bharu dan Chica yang mempunyai telaga jejari tidak berfungsi dengan sempurna.

"Walaupun isu itu sudah didedahkan dan ditegur Ketua Audit Negara, masalah ini masih tetap berulang," katanya.

Menurutnya, siasatan yang dijalankan SPRM juga adalah berdasarkan rungutan selain aduan pengguna di negeri itu berhubung masalah air yang mereka hadapi.

Beliau berkata, siasatan dijalankan juga mendapati terdapat HCW yang gagal berfungsi dan ditutup atas pelbagai faktor sekali gus menyebabkan objektif pembinaannya bagi memastikan pengguna memperoleh bekalan air yang mencukupi terutama pada musim kemarau gagal dicapai.

# Shahul Hameed set to leave HRD Corp, say sources

BY JOSE BARROCK AND M SHANMUGAM

Human Resources Development Corp's (HRD Corp) chief executive Datuk Shahul Hameed Dawood is understood to be leaving the government-led employee training facilitator after five years at its helm.

At press time, details — including his contract tenure — are scarce. It is not clear whether Shahul is leaving because his contract is expiring or if it is a premature exit. He was appointed to the top job at HRD Corp in April 2020.

Three separate sources whom *The Edge* spoke to say they had heard of news of his leaving.

"It will happen soon," says one of the sources with information of his impending departure. Another adds that a replacement for Shahul has already been identified, but has yet to be revealed.

Phone calls to Shahul were not answered and HRD Corp did not respond to emailed questions from *The Edge*. Minister of Human Resources Steven Sim Chee Keong could not immediately be reached for comment.

HRD Corp, which comes under the purview of the Ministry of Human Resources, is responsible for collecting levies from 800,000 employers for staff training and upskilling purposes. The employers basically choose from HRD Corp's list of approved training programmes. The amount of funds it handles is not small, running into billions of ringgit.

For context, Shahul and HRD Corp were thrust into the spotlight in July last year, following findings from the Public Accounts Committee (PAC) and the Auditor-General's (AG) Report 2024 that exposed alleged irregularities at the agency.

The AG report highlighted questionable disbursements of training grants totalling RM51.69 million to 3,726 individuals, who were purportedly registered for multiple training sessions under the Gerak Insan Gemilang initiative, which involved reskilling and upskilling to improve the employability of the unemployed in the wake of the Covid-19 pandemic. According to the report, 234 participants in the scheme were flagged as questionable, as they had identical names and identification card numbers.

In addition, concerns were raised regarding the payment of upfront deposits for the purchase of a property, Menara Ikhlas, which totalled RM120 million for an acquisition price of RM202.5 million. The huge deposit — close to 60% of the acquisition price — for the since-aborted deal did not comply with agreement clauses, and raised eyebrows even though the deposit was returned.

Other issues raised included HRD Corp's outstanding levies amounting to RM205.42 million, with 62 levy applications being approved after the training date. The report also highlighted that RM4.81 million of the 2020 government grant remained unused and unreturned. It also noted 29 investment transactions with unrealised losses totalling RM49.38 million.

Meanwhile, PAC questioned HRD Corp's use of RM3.77 billion for some baffling investing activities.

Among HRD Corp's largest investments in public-listed companies by value at that time were RM99.99 million in property developer Chin Hin Group Bhd (KL:CHINHIN), RM65.05 million in convenience store operator 7-Eleven Malaysia Holdings Bhd (KL:SEM), RM59.99 million in construction and facilities management company Widad Group Bhd (KL:WIDAD), RM59.38 million in restaurant operator Berjaya Food Bhd (KL:BJFOOD), RM53.82 million in diversified Berjaya Corp Bhd (KL:BJCORP) and RM39.99 million in agrochemical distributor Hextar Global Bhd (KL:HEXTAR).

With the exception of 7-Eleven, the stocks had underperformed, with the share prices largely declining since HRD Corp's acquisition.

Questions were also raised because three companies — 7-Eleven, Berjaya Food and Berjaya Corp — are controlled by businessman Tan Sri Vincent Tan Chee Yioun, while Hextar Global and Chin Hin are linked to corporate player Datuk Eddie Ong Choo Meng. Would a more diversified portfolio have been better and why, in the first place, was there an interest in the ventures of these two businessmen?

HRD Corp had also invested RM170 million in redeemable cumulative convertible preference shares of Berjaya Capital Bhd and Singer (M) Sdn Bhd, both of which are private companies and controlled by Tan as well.

In its defence against all allegations, HRD Corp had said that it operated within the ambit of the Pembangunan Sumber Manusia Bhd Act 2001, and there are put and call options in place, which make the investments "safe".

It is also noteworthy that Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) had investigated HRD Corp, and Shahul had gone on administrative leave in mid-July last year, shortly after the issues were highlighted. In November, however, after much speculation, Human Resources Minister Sim confirmed that Shahul had indeed returned to work, which would indicate that he had been cleared of any wrongdoing.

Sim had said, "Everyone is assumed innocent until proven guilty and, in this case, no HRD Corp personnel has been charged in court." E


Scan/click
ASK EDGE
12 Things You Must Know About Any Stock

## LIPUTAN HARIAN BULAN MAC 2025

BERITA HARIAN ONLINE | 2 APRIL 2025

# Mencapai akses air selamat dan berterusan

- Di Lembah Klang, lebih 30 gangguan bekalan besar dilaporkan sepanjang 2023, banyak daripadanya berpunca daripada pencemaran sumber mentah seperti Sungai Selangor yang menjadi nadi bekalan kepada jutaan pengguna
- Isu air tidak boleh lagi diletakkan di bahu kerajaan semata-mata. Masyarakat juga perlu memainkan peranan dalam menjimatkan air, melaporkan kebocoran dan mengamalkan gaya hidup lestari

Oleh Dr Muhammad Nazrul Abd Rani
bhrencana@bh.com.my



Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Undang-Undang, Universiti Utara Malaysia (UUM)

**Malaysia** antara negara bertuah kerana dikurniakan sumber air semula jadi yang banyak, dengan purata taburan hujan melebihi 3,000 milimeter setiap tahun.

Ironinya, negara terus berdepan gangguan bekalan air, kebocoran sistem paip dan pencemaran sungai yang menjejaskan kehidupan harian rakyat serta pembangunan ekonomi.

Kita menyambut Hari Air Sedunia baru-baru ini, sekali gus perlu memberikan perhatian serius terhadap isu air ini. Ini kerana ia bukan lagi semata-mata keperluan domestik, bahkan menjadi komponen asas kestabilan negara, keselamatan makanan dan kesejahteraan rakyat.

Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2024 menunjukkan kadar liputan bekalan air terawat di Kelantan hanya sekitar 73.9 peratus, iaitu antara terendah di negara ini.

Negeri seperti Sarawak dan Sabah juga mencatatkan kelewatan dalam liputan perkhidmatan. Pada masa sama, purata kadar Air Tidak Berhasil (NRW) kekal tinggi pada paras 36.6 peratus.

Di sesetengah negeri, NRW mencecah lebih 50 peratus. Ini bermaksud separuh daripada air dirawat hilang sebelum sampai ke pengguna.

NRW memberi kesan langsung kepada keberkesanan operasi dan kelangsungan kewangan operator air. Ia juga menjejaskan kecekapan sumber kerana air sudah dirawat menggunakan tenaga, bahan kimia dan kos logistik namun tidak menghasilkan pulangan.

Dalam jangka panjang, ini meningkatkan tekanan terhadap tarif dan pelaburan infrastruktur.

Masalah tidak hanya tertumpu di kawasan luar bandar. Di Lembah Klang, lebih 30 gangguan bekalan besar dilaporkan sepanjang 2023, banyak daripadanya berpunca daripada pencemaran sumber mentah seperti Sungai Selangor yang menjadi nadi bekalan kepada jutaan pengguna.

Di bawah Perlembagaan Persekutuan, isu air berada di bawah Senarai Bersama, tetapi dengan pecahan kuasa yang kompleks.

### Wujud jurang koordinasi

Sumber air mentah seperti sungai, tasik, kawasan tadahan dan air bawah tanah adalah berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, sebaliknya perkhidmatan air seperti rawatan dan agihan dikawal selia oleh Kerajaan Persekutuan menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Situasi ini mewujudkan jurang koordinasi yang kerap menghalang pelaksanaan pelan nasional. Walaupun Majlis Air Negara (MAN) sudah ditubuhkan sebagai mekanisme penyelarasan antara kerajaan negeri dengan Persekutuan, keberkesanannya masih perlu ditambah baik, terutama dalam menyatukan dasar antara negeri yang berbeza keutamaan politik dan strategi pembangunan.

Beberapa negeri seperti Selangor dan Melaka menunjukkan kesungguhan dengan melabur dalam sistem pemantauan pintar dan pengurusan permintaan air.

Namun, kejayaan jangka panjang memerlukan pendekatan sistematik dan menyeluruh, termasuk pengurusan lembangan sungai rentas sempadan negeri yang lebih bersepadu.

Pada 1 Februari 2024, kerajaan memperkenalkan pelarasan tarif air domestik di Semenanjung dan Labuan, dengan kenaikan purata 22 sen per meter padu.

Ini adalah pelarasan pertama dalam tempoh hampir dua dekad bagi sesetengah negeri. Tujuannya adalah untuk membolehkan operator melaksanakan pembaikan paip, penggantian infrastruktur usang dan pengurusan lebih cekap.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menyatakan pelarasan ini diluluskan atas permintaan kerajaan negeri sendiri. Menurut beliau, ada negeri yang tidak menyemak tarif air lebih 40 tahun.

Kenaikan ini menunjukkan ia bukanlah soal politik, tetapi satu keperluan rakyat bagi mendapatkan akses air yang selamat dan berterusan.

### Pelan Transformasi Sektor Air 2040

Sebagai pelengkap dasar jangka panjang, kerajaan turut melancarkan Pelan Transformasi Sektor Air 2040 (AIR 2040) yang memperkenalkan lapan pemacu strategik termasuk pembiayaan alternatif, teknologi pintar, integrasi data, pengurusan risiko perubahan iklim, dan pendekatan Neksus Air-Tenaga-Makanan.

AIR 2040 dijangka menjadi kerangka utama pembaharuan sektor air sehingga tahun 2040, dengan pelaksanaan mengikut fasa selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RM12 hingga Rancangan Malaysia Ke-15 (RM15).

Ia turut mengetengahkan aspek kesedaran awam dan advokasi, bagi memastikan masyarakat lebih celik terhadap nilai air.

Isu air tidak boleh lagi diletakkan di bahu kerajaan semata-mata. Masyarakat juga perlu memainkan peranan dalam menjimatkan air, melaporkan kebocoran dan mengamalkan gaya hidup lestari.

Pendidikan berkaitan air perlu diperluas dalam kurikulum sekolah, termasuk kefahaman mengenai jejak air (water footprint) dan penggunaan air tidak langsung.

Penggunaan teknologi seperti meter pintar, sistem pungutan air hujan dan rawatan semula air kelabu wajar digalakkan di peringkat komuniti dan isi rumah.

Pelaburan dalam inovasi dan penyelidikan dalam bidang teknologi air juga mesti disokong secara sistematik.

Sempena Hari Air Sedunia ini, kita perlu mengakui air bukan sahaja keperluan asas, tetapi tonggak kestabilan dan kedaulatan negara. Negara tidak akan makmur jika bekalan airnya tidak terjamin.

Justeru, pendekatan pengurusan air negara perlu berubah, sama ada dari reaktif kepada proaktif, dari teknikal kepada holistik.

Dengan dasar yang tepat, struktur tadbir urus yang cekap, dan sikap masyarakat yang lebih bertanggungjawab, Malaysia boleh mencapai keselamatan air nasional yang mampan menjelang 2040.

